



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000 / 609-565 5800 (WISMA)
Faks : 609-516 4931 / 609-516 5130 (WISMA)
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahar>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/15 (19)

Tarikh : 21 Mei 2020

**Senarai Edaran
(Seperti di lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 9.1.3 Lampiran A: Pelaporan Akaun Deposit (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 tahun 2019**), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan baki** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Akaun Deposit sehingga bulan April 2020 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan April 2020**.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Deposit yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiir)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

- | | | |
|------|-------------------------------------|--------------|
| i) | En. Ridzalman Shah bin Ridzuan Shah | (09-5915026) |
| ii) | Pn. Suhaila binti Sulaiman | (09-5915022) |
| iii) | Pn. Noraida binti Alias | (09-5915021) |
| iv) | Pn. Zalina binti Ngah | (09-5915021) |
| v) | Pn. Fatimah binti Sahak | (09-5915026) |

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi, Terokai Transformasi, Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


(JULIA BINTI ABU BAKAR C.A.(M))

Ketua Penolong Pengarah

b/p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang